

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN OPERATOR KREN**  
**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**1. PENGENALAN**

Garis panduan ini bertujuan menerangkan maklumat yang diperlukan untuk pendaftaran sebagai operator kren.

**2. PERMOHONAN PENDAFTARAN**

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut ke pejabat JKPP negeri:

- a. Surat permohonan
- b. Borang permohonan pendaftaran
- c. Salinan Kad Pengenalan (*disahkan benar oleh pegawai kerajaan kumpulan pengurusan & profesional*)
- d. 2 keping gambar berukuran lesen memandu
- e. Laporan pemeriksaan perubatan
- f. Salinan sijil kompetensi daripada pusat pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan
- g. Surat pengesahan majikan atau pengesahan bekerja sendiri

**3. KRITERIA KELULUSAN**

Pemohon hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- a. Warganegara Malaysia
- b. Telah hadir dan lulus kursus operator kren di pusat pengajar yang diiktiraf oleh Jabatan (*bagi sijil lulus kursus yang melebihi tempoh 1 tahun, pemohon dikehendaki menduduki semula peperiksaan kompetensi operator kren di pusat pengajar yang berkaitan*)
- c. Berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan mempunyai kesihatan badan dan berkeupayaan yang memuaskan untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan pengendalian kren.
- d. Pendaftaran akan berdasarkan kepada kelayakan pemohon dan akan dibahagikan kepada tiga kelas iaitu “bergerak”, “menara” dan “derik”.
- e. Tempoh Pendaftaran adalah selama 2 tahun.

#### 4. PEMBATALAN

Pendaftaran sebagai operator kren boleh dibatalkan jika didapati:

- a. Memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.
- b. Orang itu tidak lagi berkeupayaan untuk menjalankan tugasnya yang mana boleh membahayakan keselamatan dirinya atau orang lain.
- c. Tidak mematuhi Akta dan Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia.
- d. Menyalahgunakan sijil pendaftaran yang diberi.

#### 5. PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Pembaharuan pendaftaran boleh dibuat selewat-lewatnya dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh tamat kelulusan dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut :

- a. Sijil Operator Kren (*Asal*)
- b. Borang permohonan pembaharuan
- c. Laporan pemeriksaan perubatan
- d. Surat pengesahan majikan atau pengesahan bekerja sendiri

***\*bagi pemegang sijil kompetensi yang tamat tempoh melebihi 1 tahun ,  
pemohon dikehendaki menduduki semula peperiksaan kompetensi operator  
kren di pusat pengajar yang berkaitan sebelum mengemukakan  
permohonan pembaharuan***